

## **PERTANDINGAN SHOOT BOLA JARING**

### **1.0 Syarat Pertandingan**

- 1.1 Satu sekolah hanya dibenarkan menghantar 1 kumpulan sahaja kecuali sekolah penganjur.
- 1.2 Jumlah peserta bagi setiap kumpulan adalah 5 orang sahaja.
- 1.3 Murid-murid sekolah yang berumur 13 hingga 17 tahun.

### **2.0 Kaedah Pertandingan**

- 2.1 Format pertandingan adalah secara liga.
- 2.2 Jarak lontaran : 10 kaki dari tiang gol.
- 2.3 Permainan adalah lontaran bola ke jaring dan mata diberikan mengikut jumlah jaringan.
- 2.4 Permainan dijalankan mengikut giliran. Cabutan untuk penentuan kumpulan akan dilakukan semasa hari pertandingan.
- 2.5 Tiada penghadang semasa peserta melakukan lontaran.
- 2.6 Sistem pertandingan:
  - 2.6.1 Pertandingan ini akan dilaksanakan secara berkumpulan di mana dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu kumpulan A, B, C dan D. Setiap kumpulan tersebut terdiri daripada 4 pasukan.
  - 2.6.2 Pusingan Pertama : Semua pasukan dalam setiap kumpulan akan menjaringkan gol mengikut giliran masing-masing. Setiap peserta diberi 2 kali percubaan untuk menjaringkan gol dalam tempoh 3 saat. Markah akan dicampur bagi setiap ahli pasukan. Johan bagi setiap kumpulan akan ke pusingan akhir.
  - 2.6.3 Pusingan Akhir – Pemenang bagi setiap kumpulan akan bertanding secara liga bagi menentukan tempat pertama hingga tempat keempat.

2.7 Sistem pengiraan mata.

2.7.1 Menang – 3 mata

Kalah – 0 mata

Seri – 1 mata

2.7.2 Sekiranya berlaku seri, pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah gol bagi semua perlawanan. Sekiranya masih seri dari segi bilangan gol, pasukan tersebut akan membuat lontaran sekali lagi (1 lontaran bagi setiap pemain).

\*\*\*Jika masih seri, hanya seorang wakil dalam setiap pasukan membuat lontaran (1 lontaran sahaja) secara undian dan pasukan yang terdahulu yang menjanginkan gol akan dikira sebagai pemenang.



